

7

NO. SOALAN : 9

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 8 MAC 2018
[KHAMIS]**

**DARIPADA : YB DATO' DR. NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]**

SOALAN :

YB DATO' DR. NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sehingga kini berapakah jumlah pemohon yang telah mendapat manfaat melalui skim MyHome ini sejak ianya diperkenalkan dan adakah perancangan projek MyHome baharu yang akan dilaksanakan oleh pihak Kementerian bagi tahun 2018

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome) telah mula dilaksanakan pada tahun 2014 yang menawarkan insentif sebanyak RM30,000 seunit rumah yang memberi faedah kepada pembeli-pembeli rumah pertama.

Skim ini bertujuan untuk :

- 1) Membantu golongan berpendapatan sederhana (M40) untuk memiliki rumah melalui insentif pembelian rumah pertama.
- 2) Menggalakkan sektor swasta membina lebih banyak rumah mampu milik.

Sehingga 28 Februari 2018, seramai **2,598 orang telah menerima bantuan di bawah Skim MyHome** yang melibatkan **pembayaran insentif berjumlah RM77.94 juta.**

Untuk makluman ahli yang Berhormat juga, sejumlah **26 projek (25 pemaju)** perumahan yang melibatkan **6,766 unit rumah** telah diluluskan di bawah skim ini . Memandangkan sasaran unit rumah untuk pembiayaan di bawah Skim MyHome yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa Pembentangan Bajet 2014 adalah sebanyak 10,000 unit, maka terdapat **3,234 unit rumah MyHome lagi yang akan ditawarkan kepada bakal pembeli rumah bagi tahun 2018 hingga tahun 2020.**

Selain itu, di bawah Rolling Plan Ke-3, RMke11, bagi tahun 2018 sejumlah **RM35 juta** telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk pelaksanaan Skim MyHome, dan pihak Kementerian mengunjurkan sebanyak **1,166** bakal pembeli rumah MyHome akan mendapat bantuan pada tahun ini.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.

Mac 2018